



# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Komunikasi Korporat Kumpulan  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## **SETEGAP VENTURES PETROLEUM PEROLEH KEMUDAHAN PEMBIAYAAN BANK ISLAM BERJUMLAH RM98.35 JUTA**

**KUALA LUMPUR, Selasa, [3 Disember 2019]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini memeterai perjanjian kemudahan pembiayaan berjumlah RM98.35 juta dengan Setegap Ventures Petroleum Sdn Bhd (SVP), sebuah syarikat yang berdaftar sebagai vendor Petronas yang mengkhususkan dalam aktiviti intervensi telaga minyak dan gas peringkat huluan. Perjanjian pembiayaan yang dimeterai hari ini akan dimanfaatkan oleh SVP untuk membiayai perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja dalam menyelesaikan kontrak dengan Petronas Carigali Sdn Bhd.

Ketua Perbankan Komersial, Encik Ahmad Haliman Abdul Halim telah menandatangani perjanjian bagi pihak Bank Islam, manakala SVP diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Encik Mohd Shahrin Saad.

Majlis menandatangani ini turut disaksikan oleh Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam dan YBhg. Dato' Nasri Nasrun, Penggerusi SVP.

Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam berbesar hati kerana berpeluang untuk menjadi sebahagian daripada usaha yang bukan sahaja akan memberi manfaat kepada kemajuan ekonomi negara, tetapi juga memberi kesan positif kepada masyarakat, persekitaran dan pembangunan bakat tempatan.

SVP adalah salah satu syarikat yang berjaya di bawah Program Pembangunan Vendor Petronas (VDP) untuk perkhidmatan telaga minyak dan gas. Dari menyediakan perkhidmatan asas seperti mengepam telaga, SVP telah berkembang dengan pesat ke dalam perkhidmatan yang lebih canggih seperti perkhidmatan *coiled tubing* yang sebelum ini didominasi oleh syarikat-syarikat multinasional.

Beliau juga berkata, "Pada November 2019, Bank Islam telah meluluskan kemudahan perbankan berjumlah RM332 juta kepada 82 vendor di bawah Program Pembiayaan Vendor Petronas iaitu satu inisiatif khusus yang direka khas untuk vendor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang telah memperoleh kontrak dengan syarikat minyak dan gas negara berkenaan. Objektif program ini adalah untuk mengurangkan beban kewangan para vendor Perkhidmatan dan Perkakasan Minyak & Gas (OGSE) dalam memenuhi kewajiban mereka dengan Petronas."

Selain Petronas, Program Pembiayaan Vendor Bank Islam juga disediakan kepada penggiat sektor tenaga menerusi kerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad dan Sarawak Energy Berhad.

"Bank Islam amat komited untuk menyokong perniagaan PKS di negara ini. Kami berhasrat untuk memperluaskan portfolio PKS kami dan pada masa yang sama, meneroka lebih banyak kerjasama dengan syarikat-syarikat milik kerajaan dan syarikat besar lain menerusi Program Pembangunan Vendor mereka. Potensi perkongsian ini akan membantu rantai rangkaian mereka dan memenuhi keperluan kewangan kepada vendor yang layak. Ini seterusnya, membolehkan perniagaan mereka berkembang lebih maju dalam industri," jelas Encik Mohd Muazzam.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Wan Norkhairi Wan Samad**  
Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan  
Bank Islam Malaysia Berhad  
Aras 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2782 1232  
Tel. bimbit: 019-339 4491  
Faks: 03-2781 2998  
Emel: [wnorkhairi@bankislam.com.my](mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my)  
Web: [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

**Omar Atin**  
Penolong Timbalan Presiden  
Perhubungan Awam  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
BIMB Holdings Berhad  
Aras 31, Menara Bank Islam  
No. 22, Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2781 2943  
Tel. bimbit: 019-391 9144  
Faks: 03-2781 2998  
Emel: [omar@bimboldings.com](mailto:omar@bimboldings.com)  
Web: [www.bimboldings.com](http://www.bimboldings.com)